

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1986/87

RRE 332 - Rekabentuk & Perancangan Dengan Komputer

Tarikh: 16 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari

(3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan. Soalan 1 adalah WAJIB.

1. (a) Penggunaan kaedah-kaedah merekabentuk berbantuan komputer (CAD) dalam industri binaan mula diperluaskan hanya sejak tahun 1980. Beri sebab-sebab kenapa ianya mengambil masa yang begitu lama serta tenaga yang begitu banyak untuk membangunkan sistem-sistem yang begitu lasak, berkesan dan praktikal seperti yang kita lihat sekarang?

(b) Bincangkan bidang-bidang aplikasi komputer dalam praktis senibina.

(40 markah)
2. (a) Apakah yang dimaksudkan dengan 'model' dan bagaimana konsep model-model dapat dihuraikan?

(b) Bincangkan EMPAT langkah pembinaan sesuatu model.

(c) Apakah bezanya antara model-model huraian (descriptive) dan ramalan (predictive)?

Bincangkan.

(30 markah)

3. Bincangkan kegunaan model-model tertentu dari bidang Selidikan Operasi untuk menyelesaikan masalah kegiatan membuat keputusan rekabentuk (Gunakan DUA contoh bagi masalah ini).

(30 markah)

4. Bincangkan bagaimana penggunaan komputer dapat diperluaskan untuk tujuan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan.

(30 markah)

5. Sekiranya anda diberi tugas mengendalikan sesuatu firma rekabentuk tradisional dan diamanahkan supaya melaksanakan kegiatan-kegiatan guna komputer untuk membantu dalam merekabentuk, apakah langkah-langkah dan strategi yang harus diatur dan bincangkan aspek-aspek utama yang mesti diambil kira untuk menentukan perlaksanaan yang berkesan dan realistik.

(30 markah)

-ooo00ooo-